

Qalam

Bilangan 65- Disember 1955- Rabiul Akhir 1375- 60 sen

Kesejahteraan Rakyat

Tujuan sesuatu pemerintahan yang didirikan di dalam sebuah negeri ialah untuk membawa kesempurnaan dan kemewahan kepada umat, kepada rakyat – dan demikian juga harapan bagi umat yang diselenggarakan oleh kerajaan ialah kemewahan dan kesejahteraannya. Jika sesuatu kerajaan yang ditubuhkan tidak membawa kesejahteraan dan kemewahan serta kesenangan kepada rakyat, kerajaan yang demikian, tidaklah dikehendaki apa lagi adanya kerajaan itu membawa atau menambah bebanan kepada rakyat dan menambah penderitaan – sudah tentu yang demikian tidaklah dikehendaki.

Di Singapura ini telah ditubuhkan sebuah kerajaan yang dipilih oleh rakyat. Semenjak berdirinya pada bulan April yang lalu hingga sekarang, perbuatan-perbuatan mogok sentiasa berlaku – dan di sebalik itu belanjawan semakin naik. Akibatnya rakyat. Ramai menderita – terutamanya pemogokan yang mengenai kenderaan yang berlaku dengan tidak putus-putusnya sehingga rakyat berasa keluh kesah. Untuk menutup belanjawan maka sudah tentu diusahakan supaya menambah hasil-hasil negeri – kesannya tentulah cukai-cukai ditambah-semuanya walaupun tidak terus, adalah mengenai atau dibebankan kepada rakyat.

Dengan kejadian-kejadian yang menyebabkan rakyat menderita sudah pada tempatnya kalau rakyat sekarang tidak berpuas hati

dengan pemerintahan yang ada, yang tidak dapat menunaikan tanggungjawabnya kepada rakyat kerana rakyat yang terbanyak bukannya hanya terdiri daripada pekerja-pekerja tetapi banyak juga yang bukan daripada pekerja-pekerja-orang-orang yang berharap supaya kesejahteraan dan kemewahan mereka dapat terjamin – tidak pula bebanan mereka bertambah.

Orang ramai akan bertanya pula adakah kerajaan sekarang sanggup menjaga keselamatan dan kesejahteraan rakyat untuk menghapuskan ketakutan rakyat kepada ugutan-ugutan yang sentiasa datang – yang nampaknya lebih berkuasa daripada alat-alat kekuasaan negara? Jika tidak sanggup menjalankan langkah-langkah yang tegas untuk mententeramkan perasaan rakyat maka tidaklah ada ertinya sesuatu pemerintahan daripada rakyat. Di dalam keadaan seperti di Singapura ini hanya dengan langkah yang tegas sahaja boleh dijalankan untuk menjaga keamanan dan kesejahteraan rakyat – dan sebab itulah sepatutnya untuk tujuan itu Gabenor Singapura mendesak kerajaan supaya bertanggungjawab menjalankan langkah-langkah yang bertujuan untuk keselamatan rakyat – sekurang-kurangnya undang-undang keselamatan umum itu dijalankan kuatkuasanya.

* * *

Galakan yang Mustahak

Menteri Pelajaran Persekutuan Tanah Melayu, Dato' Abdul Razak, yang baharu sahaja pulang dari Indonesia dikatakan telah berkata bahawa ia akan menggalakkan penulis-penulis Melayu supaya mengarang buku-buku bagi bacaan murid-murid sekolah dan juga bagi bacaan orang ramai – sebagai suatu jalan menjadikan bahasa Melayu bahasa Kebangsaan seperti yang dijadualkan oleh Perikatan di dalam manifestonya.

Tujuan yang baik ini patut disambut oleh orang ramai. Hanya sanya terlebih molek bagi Menteri Pelajaran itu mengkaji pula keadaan-keadaan kita